

PINJAMAN PERIBADI/PEMBIAYAAN PERIBADI-i: PROGRAM PULANGAN TUNAI GENERIK

Kemaskini terakhir pada 5 Julai 2022

“Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i: Program Pulangan Tunai Generik” (“**Program Pulangan Tunai**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) terbuka untuk semua pelanggan HLB/HLISB yang membuat permohonan baru untuk kemudahan pinjaman peribadi/pembiayaan peribadi-i.

Terma & Syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Program Pulangan Tunai (“**T&S**”):

Kelayakan

1. Program Pulangan Tunai ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun Bank sedia ada dan baharu (“**Pelanggan**”) yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
 - (a) Berumur antara 21 – 60 tahun;
 - (b) Bekerja bergaji atau bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000) setahun;
 - (c) Tidak mempunyai sebarang baki tunggakan atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB (kolektifnya dikenali sebagai “Kemudahan”) sedia ada sebelum sebarang permohonan Program Pulangan Tunai (berkenaan kepada Pelanggan sedia ada sahaja).
2. Berikut yang **TIDAK** layak untuk menyertai Program Pulangan Tunai:
 - (a) Pelanggan yang memilih tawaran promosi lain dalam kempen lain yang ditawarkan oleh Bank;
 - (b) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa tempoh pinjaman peribadi/pembiayaan peribadi-i;
 - (c) Pelanggan yang telah dikenalpasti oleh Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat;
 - (d) Kakitangan tetap dan kontrak dengan Bank; dan
 - (e) Pelanggan yang memegang lebih daripada satu (1) Kemudahan (definisi tertakluk di Jadual 1 di bawah) sedia ada dengan pihak Bank.

Mekanik Program Pulangan Tunai

3. Untuk menyertai Program Pulangan Tunai ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut:
 - (a) Memohon untuk sekurang-kurangnya satu (1) daripada produk Kemudahan berikut dengan Tempoh Kemudahan dan Amaun Kemudahan Dipohon adalah seperti yang tertakluk di Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Kemudahan	Amaun Kemudahan yang Dipohon*		Tempoh Kemudahan
	Amaun Minimum	Amaun Maksimum	
Pinjaman Peribadi HLB	RM5,000	RM250,000	2 hingga 5 tahun
Pembiayaan Peribadi-i HLISB	RM5,000	RM150,000	

*Untuk mengelakkan dari sebarang keraguan, amaun Kemudahan diluluskan tidak semestinya bersamaan dengan amaun Kemudahan yang dipohon oleh Pelanggan.

Kedua-dua Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai "**Kemudahan**".

- (b) Permohonon untuk Kemudahan dihantar melalui mana-mana satu saluran permohonan seperti yang tertakluk di Jadual 2 berikut:

Jadual 2

Saluran Permohonan	Platform
Luar Talian	Cawangan Bank, Terminal am:pm, Jualan Terus, Jualan melalui Telefon, Perkhidmatan Cawangan dan Tablet Perkhidmatan.
Dalam Talian	Laman Sesawang Bank di www.hlb.com.my/pl_bm atau www.hlisb.com.my/pfi_bm (" Laman Sesawang Bank ")
Connect	Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect

Sehubungan dengan itu, Pelanggan yang memilih untuk membuat permohonan melalui saluran Connect atau Terminal am:pm mesti memenuhi semua kriteria di bawah:

- (i) Mempunyai Akaun Semasa/Akaun Semasa-i dan/atau Akaun Simpanan/Simpanan-i individu HLB/HLISB yang sah dan aktif;
- (ii) Tidak memegang sebarang Kemudahan sedia ada dengan Bank; dan
- (iii) Merupakan pengguna Connect berdaftar (untuk permohonan melalui saluran Connect sahaja).

Untuk tujuan Program Pulangan Tunai ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausu 3 di atas akan dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**".

A. Kadar Faedah/Keuntungan Rata dan Pulangan Tunai Bayar-Tepat-Pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan

Kadar Faedah/Keuntungan Rata untuk Kemudahan

4. Pelanggan yang Layak yang memohon untuk Kemudahan yang telah diluluskan dan disalurkan dalam tempoh 30 hari dari penerimaan Kemudahan Pelanggan yang Layak, layak untuk menikmati **Kadar Faedah/Keuntungan Rata** masing-masing mengikut cara yang tertera di Jadual 3 bergantung kepada Saluran Permohonan, Pendapatan Bulanan yang Sah dan Jumlah Kemudahan yang Diluluskan:

Jadual 3

	Saluran Permohonan: Luar Talian, Dalam Talian dan Connect		Saluran Permohonan: AM:PM	
	Pendapatan Bulanan yang Sah RM2,000 - RM3,999	Pendapatan Bulanan yang Sah RM4,000 and above	Pendapatan Bulanan yang Sah RM2,000 dan ke atas	
Jumlah Kemudahan yang Diluluskan (RM)	Kadar Faedah/Keuntungan Rata			Tempoh Kemudahan
5,000 – 19,000	12.50%	12.50%	12.00%	2 hingga 5 tahun
20,000 – 49,000	12.50%	12.50%	12.00%	
50,000 – 99,000	12.50%	11.00%	12.00%	
100,000 – 149,000	12.50%	10.00%	12.00%	
150,000 – 250,000	12.50%	9.00%	12.00%	
20% Pulangan Tunai Bayar-Tepat-Pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan				

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif berbeza dari 15.71% setahun hingga 22.42% setahun bergantung kepada tempoh HLB Pinjaman Peribadi/HLISB Pembiayaan Peribadi-i dari 2 – 5 tahun kecuali dinyatakan sebaliknya.

Pulangan Tunai Bayar-Tepat-Pada-Masa Atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan

- Pelanggan yang Layak yang permohonan untuk Kemudahan telah diluluskan dan disalurkan oleh Bank dan membayar ansuran bulanan untuk Kemudahan pada/sebelum tarikh matang setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan (“**Pelanggan Memenuhi Syarat**”) akan layak menerima 20% Pulangan Tunai Bayar-Tepat-Masa di atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang perlu dibayar (“**Pulangan Tunai**”) seperti mana yang tertakluk di Jadual 3 di atas.
- Pulangan Tunai akan dikreditkan kepada akaun Kemudahan Pelanggan yang Memenuhi Syarat setiap bulan selepas tarikh matang ansuran bulanan bulan ketiga belas (13) dan bulan berikutnya sehingga bulan keenam (6) sebelum ansuran terakhir untuk Kemudahan (“**Tempoh Pulangan Tunai**”). **Oleh itu, Tempoh Pulangan Tunai akan sentiasa dua belas (18) bulan kurang daripada Tempoh Kemudahan.** Sebagai contoh, untuk Tempoh Kemudahan dua puluh empat bulan (2 tahun), Tempoh Pulangan Tunai adalah enam bulan dan untuk Tempoh Kemudahan enam puluh bulan (5 tahun), Tempoh Pulangan Tunai adalah empat puluh dua (42) bulan.
- Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan Memenuhi Syarat dengan Pendapatan Bulanan yang Sah Ringgit Malaysia Empat Ribu (RM4,000) dan ke atas, yang membuat permohonan melalui Saluran Permohonan Dalam Talian, dengan Jumlah Kemudahan yang Diluluskan ialah Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh Ribu (RM150,000) yang diambil sepanjang Tempoh Kemudahan lima (5) tahun dengan Pulangan Tunai berkenaan 20% adalah seperti yang diilustrasikan di Jadual 4 dan Jadual 5 di bawah:

Jadual 4


Amaun Kemudahan yang Diluluskan*	Tempoh Kemudahan (Tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan (setahun) atas Amaun Kemudahan yang Diluluskan	Jumlah Faedah/Keuntungan Yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan	Ansuran Bulanan semasa Tempoh Tanpa Pulangan Tunai**
(a)	(b)	(c)	(d) = a x b x c	(e) = (a+d) / (b x 12)
RM150,000	5	9.00% setahun	RM67,500	RM3,625

*0.50% daripada Amaun Kemudahan yang Diluluskan akan ditolak daripada Kemudahan semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan tersebut.

**Ansuran akan dibundarkan ke atas kepada Ringgit Malaysia Lima (RM5) terdekat.

Jadual 5

Pulangan Tunai 20% atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan	Pulangan Tunai Bulanan yang akan diterima sepanjang Tempoh Pulangan Tunai	Ansuran bulanan selepas Pulangan Tunai semasa Tempoh Pulangan Tunai (dibundarkan ke RM5 terdekat)
(a)	(b) = (a)/ Tempoh Pulangan Tunai	(c) = Ansuran Bulanan – (b)
RM67,500 x 20% = RM13,500	RM13,500/42 bulan = RM321	RM3,625 – RM321 = RM3,305

Ilustrasi:


Nota: Tempoh Pulangan Tunai diwakili oleh kawasan yang berwarna biru.

- Pelanggan Memenuhi Syarat yang layak menerima Pulangan Tunai akan dimaklumkan oleh Bank pada bulan ketiga belas (13) Tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat terkini yang dibekalkan oleh Pelanggan Memenuhi Syarat seperti yang terdapat di dalam rekod Bank.
- Untuk mengelakkan daripada sebarang keraguan, Pulangan Tunai bulanan yang dikreditkan kepada akaun Kemudahan Pelanggan Memenuhi Syarat semasa Tempoh Pulangan Tunai seperti yang tertera di Klausa 6 akan dianggap sebagai bayaran dahuluan atas ansuran bulanan semasa Tempoh Pulangan Tunai. Sehubungan itu, ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan Memenuhi Syarat adalah selepas potongan amaun Pulangan Tunai bulanan. Pelanggan Memenuhi Syarat boleh

menghubungi Bank untuk maklumat mengenai ansuran bulanan yang perlu dibayar semasa Tempoh Kemudahan termasuk Tempoh Pulangan Tunai. Ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Memenuhi Syarat untuk memaklumkan Bank secara bertulis selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh matang ansuran bulanan bulan ketiga belas (13) dan/atau bulan-bulan berikutnya jika tidak menerima Pulangan Tunai bulanan. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Memenuhi Syarat akan dianggap sebagai telah menerima Pulangan Tunai bulanan tersebut daripada pihak Bank.

10. Kelayakan Pelanggan Memenuhi Syarat untuk menerima Pulangan Tunai akan dibatalkan dan bayaran Pulangan Tunai berikutnya akan dihentikan segera sekiranya salah satu daripada situasi yang berikut berlaku:
 - (a) Pelanggan Memenuhi Syarat gagal membayar sebarang ansuran bulanan untuk Kemudahan sebelum/pada tarikh matang atau mana-mana jumlah lain yang dihutang di bawah dan berkait dengan Kemudahan apabila diminta oleh Bank;
 - (b) Notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Memenuhi Syarat sebelum kematangan Tempoh Kemudahan; atau
 - (c) Pelanggan Memenuhi Syarat telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan.

UMUM

11. Dengan menyertai Program Pulangan Tunai ini, Pelanggan yang Layak dengan ini:
 - (i) bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi i HLISB;
 - (ii) bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh [Notis Privasi Bank](#);
 - (iii) bersetuju untuk melawat Laman Sesawang Bank pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
 - (iv) bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan, dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan untuk sebarang sebab sekalipun;
 - (v) bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Program Pulangan Tunai (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan diluluskan) adalah muktamad, akhir dan mengikat atas semua Pelanggan yang Layak;
 - (vi) bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Program Pulangan Tunai; dan
 - (vii) bersetuju bahawa permohonan mereka untuk Kemudahan tertakluk kepada kelulusan Bank.
12. Bank berhak untuk:
 - (i) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Program Pulangan Tunai ini sebagai akibat ketidakpatuhan kepada T&S yang terdapat di sini; dan
 - (ii) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Program Pulangan Tunai ini dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

13. T&S yang terkandung di sini dan [Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB / Pembiayaan Peribadi-i HLISB](#) hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Program Pulangan Tunai ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
14. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Program Pulangan Tunai ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
15. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
16. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan mufrad termasuk jamak dan sebaliknya.